

Headline	Ong Ai Lin dilantik Pengarah Bebas TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	20,955	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	65
ArticleSize	93 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,617		



Ong Ai Lin dilantik Pengarah Bebas TNB

Tenaga Nasional Bhd (TNB) melantik Ong Ai Lin (**gambar**) sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutifnya berkuat kuasa 1 Ogos 2018.

Ong, 62, memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam bidang Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom.

Beliau adalah Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants di England dan Wales, Juruaudit Sistem Maklumat yang diperakui dan Profesional Kesinambungan Perniagaan, ahli Institut Akauntan Malaysia dan bekas Presiden Persatuan Audit dan Kawalan Sistem Maklumat, antara lainnya.

Sebelum menyertai TNB, Ong adalah Pengarah Kanan di PricewaterhouseCoopers Malaysia dari Julai hingga Disember 2016.

BERNAMA